

Proaktif hasilkan makanan halal — PM

KUALA LUMPUR 15 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia perlu melaksanakan pendekatan proaktif untuk memaju dan menghasilkan produk makanan halal yang bermutu tinggi dan berdaya saing.

Menurut Perdana Menteri, pengusaha-pengusaha tempatan tidak hanya perlu bergantung kepada label semata-mata untuk memasuki pasaran global.

"Saya percaya banyak lagi yang harus dilakukan agar Malaysia dapat mencapai matlamatnya untuk menjadi pusat makanan halal dunia," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Pameran Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Kelima dan Persidangan Antarabangsa Makanan Halal 2004 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Pameran itu dianjurkan oleh Expomal Network Sdn. Bhd., dan Kumpulan Utusan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Pusat Koperasi Ekonomi Luar Negeri Republik Rakyat China, Persatuan Restoran Wilayah Persekutuan, Ku Su Shin Choong Hung dan Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu (Perdasama).

Turut hadir ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makarudin dan Pengarah Urusan Expomal Network Sdn. Bhd., L S Chan.

Perdana Menteri meminta para pengeluar makanan halal tempatan bekerjasama mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk mereka agar lebih berdaya saing.

Ini kerana jelas Abdullah, negara-negara seperti Filipina, Thailand, United Kingdom dan Australia, telah mengadakan program makanan halal mereka sendiri untuk memenuhi keperluan pasaran halal dunia.

Sehubungan itu, katanya ia secara langsung memberi satu saingan dengan rancangan Malaysia sendiri berhubung untuk mewujudkan pusat pengeluaran bahan halal.

"Sebagai negara yang agak maju dalam inisiatif seperti ini, saya mahu melihat pendekatan proaktif dalam membangunkan idea komersial oleh pelbagai agensi kerajaan," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri Malaysia boleh menerajui dari



ABDULLAH Ahmad Badawi merasa kacang tempatan sambil diperhatikan oleh Muhyiddin Yassin dan Hashim Makaruddin pada majlis perasmian Persidangan Makanan Halal Antarabangsa di PWTC, Kuala Lumpur semalam.

segi pentakrifan, penyelarasan dan pemasaran dan dengan demikian, menjadi pusat tumpuan

maklumat perdagangan produk halal.

Beliau menegaskan, dengan

menggunakan Malaysia sebagai pusat makanan halal, pengeluaran-pengeluar terbabit boleh

menembusi pasaran Asia Tenggara dan negara-negara Asia Barat serta pasaran-pasaran berpotensi yang lain seperti Afrika Utara, Kesatuan Eropah dan China dengan mudah.

Sehubungan itu, Abdullah turut meminta komitmen sektor swasta dengan mewujudkan landasan bagi membincangkan soal undang-undang, peraturan dan garis panduan mengenai perdagangan import eksport makanan serta minuman halal.

Ini kerana, beliau percaya semakin banyak peserta industri dalam sektor makanan dan minuman akan menggalakkan serta memperluaskan rangkaian produk mereka bagi merangkumi produk yang diperakui halal.

Dalam pada itu, Abdullah menegaskan bahawa kerajaan juga sedang memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan pengeluaran makanan domestik untuk menampung keperluan sendiri.

Beliau yakin, Malaysia akan dapat menguruskan import makanannya yang telah meningkat kepada hampir RM13 bilion pada 2000 dan dijangka bertambah kepada RM22 bilion menjelang tahun 2005.

"Kerajaan akan terus membe-

ri penekanan kepada usaha memajukan sektor pertanian dengan menyediakan bantuan sewajarnya kepada para petani serta mereka yang menceburi perniagaan tani," jelasnya.

Sementara itu, pada sidang akhbar kemudian, Perdana Menteri optimis yang Malaysia mampu mengeluarkan bahan makanan sendiri untuk menampung keperluan tempatan pada tahun 2005 atau sekurang-kurangnya menjelang tahun 2010.

Menurut Abdullah, kerajaan akan terus membangunkan pertanian negara dan berharap semua pihak melakukan usaha yang lebih ke arah mencapai sasaran tersebut.

"Saya gembira melihat eksport makanan halal ini dan kemungkinan untuk mewujudkan pelbagai jenis makanan baru dengan pendekatan baru.

"Ada juga produk yang dihasilkan produk bioteknologi bukan sahaja makanan tetapi ubat-ubatan dan perselekan dan semua ini menunjukkan pertanian ada potensi yang baik," jelasnya.

Dengan itu, beliau berharap supaya rakyat negara ini terutama di luar bandar meningkatkan kegiatan pertanian mereka dengan menggunakan teknologi moden.